

Mahathir mungkin tak hadir sidang PBB akan datang

UM - 7 SEP 1990

BANDAR MUADZAM SHAH 6 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau berkemungkinan besar tidak akan menghadiri persidangan Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu akan datang memandangkan ia memerlukan beliau berada di luar negeri bagi tempoh yang terlalu lama iaitu 14 hari.

Ini kerana beliau merancang untuk mengadakan satu lagi siri lawatan ke seluruh negara bagi memperkukuhkan persiapan Barisan Nasional dalam menghadapi pilihanraya akan datang, katanya.

Beliau berkata tempoh selama 14 hari di luar negeri agak panjang.

"Kalau saya pergi selama 14 hari, saya terpaksa menangguhkan lawatan saya dan ini akan menjiskan usaha saya untuk memberi penerangan dan menggembleng tenaga BN," katanya.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mengakhiri lawatan sehari ke Pahang Darulmakmur di sini petang ini, Perdana Menteri juga berkata

Oleh
Aziz Ishak

pembahagian kerusi bagi parti-parti komponen Barisan Nasional dalam pilihanraya umum akan datang akan dibuat mengikut formula pilihanraya 1986.

Beliau berkata para pemimpin BN bersetuju untuk mengekalkan kuota pembahagian yang sama dan oleh itu tidak timbul masalah mengenai dalam pilihanraya akan diadakan nanti.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang menamatkan lawatannya ke Semenanjung hari ini di Pahang berkata, siri lawatan beliau akan datang akan ditumpukan kepada kumpulan tertentu dalam semua kaum dan persatuan - persatuan peniaga dan penaja kecil.

Beliau yang juga Pengerusi BN bagaimanapun berkata tarikh siri lawatan tersebut belum ditentukan dan dijangka dibuat selepas lawatannya ke Sabah dan Sarawak bulan depan.

"Kumpulan dan persatuan - persatuan ini sememangnya banyak. Tetapi kita akan cuba jumpa seberapa banyak (persatuan) yang boleh," katanya.

Menjawab satu pertanyaan, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan walaupun siri lawatannya ke seluruh negeri di Semenanjung telah mencapai kejayaan khususnya dari segi mematahkan tohmahan dan isu-isu parti pembangkang tetapi beliau merasakan perlu diadakan satu lagi lawatan seumpama itu untuk kumpulan dan persatuan pula.

Katanya, tujuan lawatan itu nanti antara lain ialah bagi menjelaskan kepada kumpulan - kumpulan berkenaan tentang beberapa isu dan juga untuk mematahkan isu-isu baru yang mungkin ditimbulkan oleh parti pembangkang.

Pergolakan baru

"Isu tidak boleh habis. Kita berpendapat perlu diadakan satu lagi siri lawatan bagi kumpulan tertentu, khususnya mengenai pergolakan terbaru.

"Misalnya Pas sokong kumpulan pendidik Cina dan kita perlu jelaskan hal-hal begini kepada rakyat," katanya.

Ditanya tidakkah sekarang ini masa yang sesuai bagi kerajaan mengadakan pilihanraya umum, beliau berkata pilihanraya boleh diadakan pada bila-bila masa dari sekarang.

Dato' Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, walaupun beliau merancang mengadakan satu lagi pusingan lawatan namun itu tidak bermakna pilihanraya akan diadakan selepas siri lawatan itu selesai.

"Tarikh pilihanraya tidak tentu lagi. Kalau datang ilham tengah - tengah siri lawatan itu untuk adakan pilihanraya kita akan adakanlah.

"Macam kata saya dulu, kalau tidak selesaipun (siri lawatan PM yang berakhir hari ini), kita mungkin adakan pilihanraya. Tapi nampaknya saya selesai (lawatan) sebelum adakan pilihanraya. Jadi kita tidak boleh beri jaminan apa-apa," katanya.

Bagaimanapun menurut Dato' Sri Dr. Mahathir beliau akan mengkaji semula rancangannya untuk melawat PBB.

Katanya, dengan meneruskan lawatan ke Per-

LIHAT MUKA 2

MAHATHIR MUNGKIN TAK KE PBB

7 SEP 1990
tubuhan bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) selepas melawat Korea Selatan mulai 11 September ini, bermakna beliau akan berada selama 14 hari di luar negeri.

"Saya tidak boleh berada begitu lama di luar negeri, manalah tahu ada pilihanraya semasa ketiadaan saya," katanya dengan nada berseloroh.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan beliau sendiri sebenarnya lebih mengutamakan soal urusan dalam negeri.

Katanya, jika urusan dalam negeri lebih memerlukan kehadiran beliau sudah tentu beliau wajar menunaikan tugas yang lebih penting.

Mengenai persiapan BN menghadapi pilihanraya beliau menegaskan semua parti komponen juga akan bertanding atas manifesto yang sama.

"Kita akan bergerak sebagai satu kumpulan dengan sepenuh persefahaman demi mencapai matlamat yang satu," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, beberapa masalah kecil berhubung soal lambang

parti komponen BN di Sabah dan Sarawak akan diselesaikan melalui rundingan.

Katanya setakat ini Ibu Pejabat BN belum mendapat keterangan rasmi berhubung lambang itu bagi pilihanraya akan datang.

Bagaimanapun beliau yakin masalah tersebut termasuk soal pembahagian kerusi parti - parti komponen di Sabah dan Sarawak berikutan penambahan tiga kerusi Parlimen baru akan dapat diselesaikan sebelum pilihanraya.

"Kita sentiasa mempunyai cara untuk mengatasi masalah sesama kita dengan semangat setia kawan BN," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan soal pemilihan calon BN dalam pilihanraya akan dirunding bersama dan ditentukan kemudian.

Ditanya mengenai wakil-wakil rakyat BN yang melobi untuk mengekalkan kedudukan mereka, beliau berkata masalah itu tidak banyak timbul dan ia akan diselesaikan bila pucuk pimpinan BN membuat keputusan.